



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PEMAKLUMAN RASMI
BILANGAN 6 TAHUN 2022**

PERGERAKAN MAHASISWA SEMPENA PILIHAN RAYA UMUM KE 15

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersempena dengan Pilihan Raya Umum ke-15 yang akan diadakan pada 19 November 2022 pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) secara berasingan dan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Sekerteriat Anak Negeri, Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan menyediakan pengangkutan kepada mahasiswa untuk pulang mengundi bagi menyokong sistem demokrasi berparlimen di negara kita.

Bagi tujuan tersebut, semua pelajar telah mengemaskini maklumat melalui E-community>Sistem PRU 15 atau melalui serkerteriat anak negeri hendaklah mengambil maklum perkara seperti berikut:

- a) Pelajar perlu berkumpul terlebih dahulu selewat-lewatnya **30 minit** sebelum bas berlepas.
- b) Pengesahan nama perlu dilakukan sebelum pergerakan bermula dan pelajar yang mempunyai nama dalam Sistem PRU 15 adalah **DIUTAMAKAN**.
- c) Pelajar yang 'walk-in' adalah tertakluk kepada kekosongan kenderaan universiti bagi setiap destinasi.
- d) Perjalanan pulang dan kembali telah dijadualkan seperti di Lampiran A. Pelajar perlu mematuhi tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan.
- e) Segala pengurusan penghantaran pelajar adalah berpusat di Kampus Gambang. Maka, pelajar kampus Pekan akan dibawa ke kampus Gambang mengikut jadual yang ditetapkan dengan kenderaan universiti.
- f) Pelajar hanya akan diturunkan di **PERHENTIAN YANG TELAH DITETAPKAN SAHAJA**.
- g) Pihak universiti melantik seorang LO di kalangan pelajar bagi menguruskan senarai nama dan keselamatan pelajar di dalam bas bagi setiap destinasi.

- h) Pelajar dinasihatkan memakai **PELITUP MUKA** semasa berada di dalam bas
- i) Bagi tujuan keselamatan pelajar, mohon maklumkan kepada waris/ahli keluarga bagi perhentian bas yang akan menurunkan pelajar terutama yang sampai pada waktu malam atau awal pagi.

PERINGATAN MESRA kepada semua pelajar agar **TIDAK MENGIBARKAN BENDERA MANA-MANA PARTI** di dalam atau luar kenderaan sepanjang perjalanan tersebut. Pelajar juga dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi dan provokasi bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Kepada semua pelajar, selamat menunaikan tanggungjawab untuk mengundi. Buatlah pilihan dengan **BIJAKSANA** dalam usaha membentuk sebuah kerajaan yang terbaik demi menjamin masa depan negara dalam tempoh lima tahun akan datang. Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (09-4316999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 16 November 2022.

LAMPIRAN A

PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMPENA PRU-15					
LOKASI	TARIKH PERGERAKAN KE KG	JAM BERLEPAS	DESTINASI KETIBAAN	NO BAS	TARIKH BALIK KE KAMPUS
PERAK	16/11/2022	9.00 MALAM	IPOH / TAIPING	CCL6616	21/11/2022 (8.00 PAGI)
KEDAH		9.00 MALAM	SHAHAB PERDANA	CCL7716	
PULAU PINANG			SG NIBONG		
PERLIS			KUALA PERLIS		
JOHOR	17/11/2022	9.00 PAGI	BATU PAHAT / JOHOR BAHRU	CEL3616	21/11/2022 (9.00 PAGI)
KELANTAN	17/11/2022	9.00 PAGI	KOTA BHARU/JELI	CEL9616	21/11/2022 (9.00 PAGI)
TERENGGANU					
NEGERI SEMBILAN	17/11/2022	9.00 PAGI	SEREMBAN 2	CCK1640	21/11/2022 (11.00 PAGI)
SELANGOR	17/11/2022	9.00 PAGI	SHAH ALAM	CCF8016	21/11/2022 (11.00 PAGI)
KUALA LUMPUR			TBS		

*Jadual ini adalah tertakluk kepada pelajar yang memilih **KENDERAAN UNIVERSITI** sahaja.

*Bagi yang memilih kenderaan anak negeri sila **RUJUK WAKIL ANAK NEGERI MASING-MASING**.